K

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

HLK-0201
INVC..OMS..7/9/01

# PILIHAN RAYA 1999: SATU ANALISIS TENTANG PRESTASI UMNO

Oleh

Nama: Nafisah binti Abdul Ghafor

No. Matriks: AGE 99004

Disertasi ini untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) dengan Kepujian.

Jabatan Sejarah,

Fakulti Sastera dan Sains Sosial,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur,

2000/2001.

Perpustakaan Universiti Malaya

A510364799

ok

**PERAKUAN PELAJAR**

Dengan ini, saya yang bernama dibawah mengaku bahawa disertasi ini tidak mengandungi sebarang bahan-bahan yang pernah menerima anugerah atau Ijazah atau diploma daripada mana-mana universiti sepanjang pengetahuan saya. Disertasi ini tidak mengandungi bahan-bahan yang pernah ditulis atau diterbitkan melainkan jika diberitahu sumber petikannya.

Tandatangan :-

Nama:- Nafisah Abdul Ghafor

No. Kad Pengenalan:- 761221-08-5850

(A 3566102)

No. Matriks:- AGE 99004

Tarikh:- 14 Oktober 2000

**PRAKATA**

Diskusi saya dimulakan dengan memberi pendedahan awal berkenaan parti UMNO. Parti ini ditubuhkan hasil daripada perasaan tidak puas hati orang Melayu terhadap pemerintahan *Malayan Union* dan ianya mendapat inspirasi daripada parti-parti berbaur nasionalisme yang terdahulu daripadanya. Saya cuba mencungkil 'perit jerih' parti ini berjuang membebaskan bangsa Melayu daripada cengkaman penjajah, seterusnya parti ini telah menyediakan Tanah Melayu ke ambang kemerdekaan. Sehinggalah hari ini, parti UMNO unggul bersama-sama komponen BN.

Selain itu, saya cuba membincangkan perihal parti UMNO dalam pilihan raya-pilihan raya di Malaysia. Penjelasan mengenai perkara ini amat perlu untuk menonjolkan tentang betapa berjayanya parti ini dalam sesi pilihan raya yang telah diadakan di negara ini. Namun, yang lebih penting ialah perbincangan saya tentang Pilihan Raya 1999, ianya meliputi hal kempen dan isu yang digunakan oleh parti UMNO mahupun pembangkang untuk meraih simpati pengundi. Tinjauan saya meliputi keadaan perjalanan Pilihan Raya 1999 di negeri-negeri di Malaysia dan beberapa isu yang mendasarinya.

Keputusan Pilihan Raya 1999, agak memeranjatkan kerana UMNO kekurangan majoriti undinya dan saya turut memperihalkan punca insiden ini dan impak, dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah ini. Saya berharap dengan penghasilan disertasi ini, akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai yang ingin mengetahui perihal prestasi parti UMNO dalam Pilihan Raya 1999.

## ABSTRAK

Topik yang telah dipilih oleh saya ini semata-mata untuk menjelaskan sejauhmana prestasi UMNO dalam Pilihan Raya 1999 berbanding pilihan raya-pilihan raya terdahulu. Semua sudah sedia maklum bahawa UMNO agak tidak stabil dalam Pilihan Raya 1999. Oleh itu, kajian yang telah dibuat oleh saya akan mencakupi aspek punca permasalahan dan langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini.

Pilihan Raya 1999, merupakan pilihan raya terakhir dekad ini dan ianya telah diselenggarakan dengan sebaik mungkin tanpa 'pertumpahan darah' dalam sejarah UMNO. Konflik-konflik yang tercetus kerana terdapat insiden-insiden negatif yang telah mengkucar-kacirkan keadaan seperti kes pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelantangan pihak pembangkang, krisis ekonomi dan masalah dalaman UMNO. Masalah-masalah ini boleh dianggap sebagai satu ancaman yang tidak harus dipandang mudah oleh parti UMNO.

Selain itu, saya telah menyelongkar perihal strategi pihak pembangkang yang dapat mengeksplotasi sesuatu isu agar dapat mempengaruhi pandangan orang ramai terdapat kerajaan, umpamanya parti Pas telah menang besar di beberapa kawasan dalam pilihan raya baru-baru ini dan semacam berhasrat untuk berentap hebat dengan UMNO pada pilihan raya lima tahun akan datang.

Prestasi UMNO yang agak mengecewakan pada Pilihan Raya 1999 lalu, tidak harus disalah tafsir tetapi sebaliknya diambil iktibar daripada insiden yang telah berlaku. UMNO perlu membuat perubahan yang besar agar bersesuaian dengan aspirasi rakyat. UMNO memerlukan pemimpin yang dapat membaca apa yang dihajati oleh pembangkang, umpamanya Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, seorang yang berkarisma tinggi dan dibawah teraju beliau, negara kita berjaya menempuh kemelut Pilihan Raya 1999 dengan sebaik mungkin.

**ABSTRACT**

The topic that I have chosen is intended to compare performance of UMNO in 1999 Election with that of the previous election. The public is quite aware with the instability in UMNO during the Election 1999. Therefore, it is my intention to show the strategies taken by UMNO to overcome this problem.

The 1999 Election was the last election held in this decade. Although no tragic incident has happened during the election, UMNO needs to look seriously into the reaction of the public over the sacking of Datuk Seri Anwar Ibrahim, the deputy prime minister, the economic crisis and UMNO's internal problems itself.

I have also discussed about the opposition's strategy to play up certain issues. This has given rise to the negative attitude shown by certain people toward the government. PAS may become a strong opposition force for UMNO in the next election especially with her impressive victories in certain areas where she has contested.

UMNO's performance in the 1999 Election was quite disappointing. UMNO has to learn from its defeat and make changes. On the other hand, UMNO is very fortunate to have Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad as its President. His charismatic leadership and unquestionable abilities has made the 1999 Election a success.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan, saya tujukan kepada mereka yang telah memberi perangsang kepada saya, terutamanya kedua ibu bapa tercinta, Abdul Gafor Asmatullah dan Jamilah Mohd Yusof, dan kepada kakak saya, Natra Abdul Ghafor serta abang saya , Abdul Halim bin Abdul Gafor yang dikasihi. Tidak ketinggalan kepada kedua-dua anak saudara saya yang dirindui iaitu Aina Batrisya dan Elis Zulaikha.

Selain itu, sekalung penghargaan turut diberikan kepada penyelia saya iaitu Dr. Ramlah Adam, dan beberapa orang pensyarah yang telah memberi beberapa bimbangan bagi membolehkan saya menyiapkan disertasi ini iaitu En. Azzaharuddin Md. Dali, En. Suffian Mansur,dan beberapa orang pensyarah lain, tanpa tunjuk ajar mereka amat sukar untuk saya menyiapkan disertasi ini kerana sebelum ini saya tidak terdedah dengan isu sebegini kritis dan hebat.

Penghargaan turut ditujukan kepada pihak Arkib Negara, Arkib Negeri Perak, kakitangan institusi ini tidak jemu-jemu memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada saya, dalam usaha untuk mencari bahan-bahan relevan yang bersangkutan dengan topik saya. Tidak lupa juga kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya. Perpustakaan Negeri Perak, Perpustakaan Negara, Suruhan jaya Pilihan raya Negeri Perak dan sesiapa sahaja yang terlibat, mereka telah menunjuk ajar serta memberi layanan yang mesra. Sementara itu, kepada mereka yang sudi ditemuramah oleh saya, tiada apa yang lebih penting selain ucapan terima kasih saya kepada mereka. Akhir sekali, kepada rakan serumah dan rakan yang mengenali saya, terima kasih atas suntikan semangat yang telah diberikan.

**DEDIKASI**

Hasil penulisan saya ini untuk penelitian generasi baru supaya menghargai sejarah yang objektif bagi panduan hidup sebagai warganegara Malaysia. Dedikasi ini juga kepada pemimpin negara, parti UMNO mahupun pembangkang yang bekerja di dalam satu unit untuk membina negara bangsa yang utuh. Tidak lupa juga kepada tatapan bangsa Melayu dan Bumiputera supaya menghargai segala pergorbanan generasi lepas untuk memartabatkan bangsa.

*Rindu Melayu Baru: Neraca Saksama di bulan Purnama*

*Rakyat telah bersuara*

*Namun bahang sengketa belum mereda*

*Neraca dan purnama*

*Masih... bertikam lidah*

*Terus... berperang hujah*

*Yang menang dan yang kalah*

*Terus bertelagah*

*UMNO- kami "kalah" kerana fitnah*

*Justeru dacing terus menimbang*

*Kami masih menang!*

*PAS- kau tewas kerana rasuah*

*Kini giliran purnama bersinar garang*

*Kami telah menang!*

*Satu bangsa satu negara*

*Nampak sama tetapi berbeza*

*Satu darah satu syahadah*

*Ingin bersatu tapi berpecah*

*Adakah ini angkara penjajah?*

*Atau barah dalaman yang mula menanah?*

*"Anakhairu minhu"*

*"aku lebih baik daripada kamu"*

*APAKAH ini natijah atau baru mukadimah*

*Di lema ketuanan Melayu-Islam?*

*Melayu dan Islam itu satu?*

*Atau kedua-duanya terasing?*

*Melayu lain Islam lain!*

*Suluh dan timbang...*

*Antara bangsa dan agama- dua yang sama?*

*Atau berbeza?*

*Bangsa lain agama lain!*

*APAKAH ini persimpangan atau sudah perhentian*

*Konflik pembangunan dan kerohanian?*

*Ekonomi dan Iman harus seimbang?*

*Atau kedua-duanya (bersepadu)?*

*Iman dahulu, ekonomi pun perlu!*

*Suluh dan timbang...*

*Antara kemajuan kerohanian-seiring sejalan?*

*Atau perlu satu ketertiban?*
*Kemajuan berasaskan pembangunan insan!*

*APAKAH ini strategi atau tragedi?*
*Konflik antara deen dan ideologi?*
*Khutbah ulama atau siasah umaara?*
*Agama dan politik memutus konflik?*
*Takdir memutuskan, tadbir melaksanakan!*

*Suluh dan bimbang...*
*Agama dan politik- saling memerlukan ?*
*Antara ketulusan dan ketelusan?*
*Ulama dan umara mesti dipertemukan.*
*Dilema Melayu Baru...*
*Bukan lagi soal genetik atau etnik*
*Tapi trilogi agama-politik-ekonomi*
*Paradigma prinsip yang menyentap jati diri*
*Persepsi terkini yang bisa merombak identiti*
*UMNO terdesak untuk dibetulkan*
*PAS terlonjak untuk diuji.*

*Setelah bumi merdeka minda-terbuka*

*Citra meningkat jiwa dewasa*

*Sistem nilai kini dianalisis kembali...*

*- nilai murni pusaka bangsa*

*- nilai suci warisan agama*

*- nilai teras tunggak negara*

*Timbang-taranya terus dicari*

*Perlukah terus idealisme pragmatisme?*

*Atau beralih ke kubu konservatif yang fundemantalis?*

*Musuh abad 21 menunggu di muka pintu*

*Kolonialisme ekonomi dan penaklukan rohani*

*Pencemaran budaya dan ancaman senjata*

*Barat makin menggila dengan agenda bertaraf dunia*

*Yahudi dan Nasrani selamanya tidak akan reda*

*Ramaikan sengketa kita!*

*Justeru Tuhan ciptakan perbezaan*

*Bukan untuk bermusuhan...*

*Tapi perbezaan satu kekuataan*

*Saling menampung dan melengkapkan*

*Jika mungkin MCA-UMNO*

*Jika mungkin DAP-PAS*

*Kenapa tidak PAS-UMNO?*

*Bilakah akan tenang hati*

*Disinari cahaya rambulan*

*Bilakah akan waras aqli*

*Ditimbang dacing keadilan?*

*Dacing dan bulan...*

*Mungkinkah disatukan?*

*Kalau benar yang dicari Satu*

*Tentu ada formula BERSATU*

*Satu kebulatan satu barisan*

*(Melainkan jika ada maksud yang serong*

*Ya... terus-teruslah kita bertarung?)*

*Namun rindu Melayu Baru alaf baru*

*Mendamba: neraca saksama di bulan Purnama.*

Pahrol Mohamad Juoi (Fitrah Perkasa), Rindu Melayu Baru: Neraca Saksama di bulan Purnama, *Dewan Masyarakat*, Februari 2000. hlm. 34-35.

**Daftar Kandungan**


| | |
|---|---|
| **Perakuan Pelajar** | ii |
| **Prakata** | iii |
| **Abstrak** | iv |
| **Abstract** | vi |
| **Penghargaan** | vii |
| **Dedikasi** | viii |
| **Sajak Rindu Melayu Baru: Neraca Saksama Di Bulan Purnama** | ix |
| **Daftar Jadual** | xvii |
| **Daftar graf** | xix |
| **Daftar singkatan** | xx |
| **Bab 1** | **halaman** |
| **Sejarah awal parti politik UMNO** | 1 |
| Kesedaran awal nasionalisme Melayu | 1 |
| Kegiatan UMNO sehingga 1951 | 9 |
| UMNO dan Tuntutan Kemerdekaan | 21 |
| UMNO selepas merdeka | 26 |
| **Bab 2** | |
| **Prestasi UMNO/ Perikatan dan BN dalam Pilihan raya di Malaysia** | 37 |

Definasi pilihan raya 37

UMNO dan pilihan raya di Malaysia 39

**Bab 3**

**PILIHAN RAYA 1999: Isu dan kempen** 71

Tinjauan pilihan raya di negeri- negeri di seluruh Malaysia 77

Senario menjelang Pilihan Raya 1999 87

Tindakan parti pembangkang menjelang pilihan raya 89

Cabaran terhadap UMNO/BN menjelang Pilihan Raya 1999 91

**Bab 4**

**Keputusan Pilihan Raya 1999** 99

Faktor-faktor kemerosotan prestasi UMNO 115

Pembentukan kabinet baru 2000 122

Nasib parti pembangkang 129

**Bab 5**

**UMNO selepas Pilihan Raya 1999** 134

Kesan disebalik keputusan Pilihan Raya 1999 134

Pilihan raya di Sanggang dan Telok Kemang 136

Perhimpunan Agung UMNO ke 54 140

Masalah dan langkah-langkah untuk mengatasi prestasi UMNO yang menurun pada Pilihan Raya 1999 147

**Kesimpulan** 166

**Lampiran- lampiran** 171

**Bibliografi** 190

**Daftar Jadual** **halaman**

**Jadual 1**

Jadual jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti dalam Pilihan Raya 1959 47

**Jadual 2**

Peratus pencapaian Perikatan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen tahun 1964/1969 51

**Jadual 3**

Malaysia : Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1974 53

**Jadual 4**

Keputusan pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan 1977 55

**Jadual 5**

Malaysia: Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1978 56

**Jadual 6**

Malaysia: Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1982 58

**Jadual 7**

Malaysia; Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1986 59

**Jadual 8**

Senarai parti politik, jumlah calon pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia 1990. 61

**Jadual 9**

Jumlah kerusi yang dimenangi dalam Pilihan Raya 1995 62

**Jadual 10**

Jadual kerusi yang dimenangi oleh Perikatan/BN dari tahun 1955- 1995 63

**Jadual 11**

Jadual kerusi yang dimenangi oleh UMNO pada pilihan raya tahun 1955, 1959, 1969, 1974, 1982 dan 1995 66

**Jadual 12**

Jadual perbezaan hari antara tarikh pembubaran/penamaan calon dan penamaan calon/pembuangan undi pada pilihan raya umum 74

**Jadual 13**

Jadual jumlah kerusi yang ditandingi dalam Pilihan Raya 1999 76

**Jadual 14**

Jadual jumlah pencapaian parti politik di Sarawak pada pilihan raya pada 1969-1995 78

**Jadual 15**

Jadual keputusan Pilihan Raya 1999 untuk kerusi Parlimen (P) dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang didapati oleh parti bertanding 100

**Jadual 16**

Jadual jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti UMNO pada 1995 dan 1999 112

**Daftar Graf** **halaman**


**Graf 1**

Graf kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi oleh Perikatan/BN dari tahun 1955-1995 64

**Graf 2**

Graf jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi oleh UMNO tahun 1955, 1959, 1969, 1974, 1982 dan 1995 67

**Graf 3**

Graf jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi oleh UMNO tahun 1955, 1959, 1969, 1974, 1982 dan 1995. 68

**Graf 4**

Graf jumlah kerusi Parlimen yang di menangi oleh UMNO pada 1995 dan 1999 113

**Graf 5**

Graf jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi oleh UMNO pada 1995 dan 1999. 114

**Daftar singkatan**

**UMNO- United Malay Organisation**

**BN- Barisan Nasional**

**PN- Parti Negara**

**IMP- Independence Malay Party**

**MCA- Malayan Chinese Association**

**MIC- Malayan Indian Congress**

**PAP- People's Action Party**

**PAS/PIS- Party Islam Se Tanah Melayu**

**Perikatan- UMNO-MCA-MIC**

**Petir- Parti Tindakan Rakyat (PAP)**

**PPP- People's Progressive Party**

**UDP- United Democratic Party**